

[Utama](#) [Terkini](#) [Nasional](#) [Hiburan](#) [Sukan](#) [Politik](#) [Ekonomi](#) [versi Web](#)

700,000 syarikat terlibat Banci Perdagangan Edaran 2014

KOTA BHARU 23 Mac - Sebanyak 700,000 syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) akan terlibat dalam Banci Perdagangan Edaran 2014 bermula bulan ini sehingga September hadapan.

Ketua Perangkawan Jabatan Perangkaan, Datuk Dr. Abdul Rahman Hasan berkata, bagaimanapun daripada jumlah itu dianggarkan kira-kira 350,000 hingga 420,000 syarikat sahaja yang beroperasi dan akan terlibat dalam bincian terbabit.

Jelas beliau, bincian itu akan merangkumi tiga sub sektor peredaran melibatkan perdagangan borong, runcit dan kenderaan bermotor bagi tahun rujukan 2013.

``Perangkawan yang diperoleh daripada Banci Perdagangan Edaran 2014 itu nanti akan digunakan kerajaan sebagai input dalam menyediakan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) dan penting untuk mencapai Wawasan 2020," katanya di sini hari ini. - UTUSAN ONLINE



We make each of them special.